

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 07 FEBRUARI 2016

²Operasi tunda
bagi pesalah tegar

SHAH ALAM - ^{at 16/02/16} Majlis
Bandaraya Shah Alam (MBSA)
melaksanakan operasi tunda ter-
hadap kenderaan yang memiliki
lebih daripada 10 kompaun atas
kesalahan tempat letak kereta.

Ketua Bahagian Korporat
dan Perhubungan Awam
MBSA, Shahrin Ahmad ber-
kata, operasi itu dijalankan mulai
November 2015 bagi memberi
kesedaran kepada pengguna ja-
lan raya.

Menurutnya, ia juga bagi
memastikan Orang Kena
Kompaun (OKK) melangsai-
kan tunggakan kompaun yang
dikenakan terhadap kenderaan
milik mereka.

"Sebelum kenderaan di-
tunda, kita akan tampal pe-
lekat pada kenderaan yang di-
kenalpasti punya tunggakan lebih
daripada 10 kompaun letak ke-
reta, bagi mengingatkan pemilik
kenderaan supaya menjelaskan
tunggakan kompaun tersebut,"
katanya.